

17 JAN 2000

Ghafar-Presiden

JAWATAN PRESIDEN DAN TIMBALAN ELOK DIPERTANDINGKAN, KATA GHAFAR

Oleh: Mohd Nasir Yusof

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Veteran Umno Tun Abdul Ghafar Baba berkata lebih elok jika jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno dipertandingkan dalam pemilihan parti Mei ini walaupun Majlis Tertinggi (MT) Umno telah mencadangkan kedua-duanya tidak dipertandingkan.

Bekas timbalan perdana menteri dan timbalan presiden Umno itu berkata kedudukan presiden dan timbalan presiden parti akan lebih kukuh jika ianya disokong secara langsung oleh anggota-anggota parti sendiri.

Katanya, tidak ada masalah jika Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi terus menerajui parti tetapi lebih baik jika kedudukan jawatan mereka mendapat sokongan terus daripada anggota parti.

"Ini tidak bermakna saya tidak sukakan Mahathir dan Dollah Badawi tetapi saya lebih sayangkan Umno," katanya dalam satu temubual di kediamannya di Taman Duta di sini.

Ghafar, yang baru keluar dari hospital selepas serangan angin ahmar ringan semasa di Indonesia 27 Dis lepas dan masih dalam rawatan fisioterapi di kediamannya, berkata beliau tidak menentang keputusan yang dibuat oleh MT supaya kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan.

"Tetapi mengikut pandangan saya, adakan pertandingan adalah lebih elok lagi," katanya.

Beliau berkata dalam pilihan raya umum lepas kedudukan Umno merosot dan satu pembaharuan mesti dilakukan jika mahu melihat Umno kuat semula dan satu caranya ialah dengan mengadakan pemilihan parti yang akan menghidupkan semula semangat anggota Umno.

"Mengadakan pemilihan merupakan satu aktiviti parti. Dengan ada pemilihan, semangat orang Umno akan hidup semula. Ini adalah satu cara untuk menggembleng semula tenaga Umno," katanya dengan suara yang jelas walaupun agak lambat dituturkan.

Ghafar berkata pemilihan bagi kedua-dua jawatan itu, selain bagi jawatan-jawatan lain seperti tiga Naib Presiden, Ketua Pemuda, Ketua Wanita dan Anggota MT, akan juga membantu mengembalikan semula keyakinan rakyat terhadap Umno.

Ghafar yang mencipta sejarah apabila menang dalam semua 10 pilihan raya umum yang diadakan termasuk yang terbaru pada 29 Nov tahun lepas sebagai Anggota Parlimen Batu Berendam, berkata beliau percaya tidak akan berlaku perpecahan akibat pertandingan dalam parti kerana anggota Umno sudah matang.

Katanya, banyak orang muda menyertai Umno kerana mahu Umno yang demokratik dan membuka peluang bagi mereka mengambil bahagian (dalam proses membuat keputusan parti) serta mempelajari amalan demokrasi menerusi Umno.

Beliau berkata kesan kemantapan Umno yang terhasil melalui pemilihan itu bukan sahaja penting bagi orang Melayu tetapi juga bagi semua kaum (lantaran kerajaan Barisan Nasional yang menggabungkan 14 parti komponen adalah ditunjangi oleh Umno).

"Kita tidak boleh biarkan Umno lemah atau mati. Umno perlu wujud untuk selama-lamanya," katanya yang bersemangat walaupun kelihatan agak keletihan.

Ghafar, 74, yang diserang angin ahmar ringan ketika berehat di rumah keluarga isterinya di Bogor, Indonesia diterbangkan pulang dan dimasukkan ke Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia di Cheras pada 28 Dis.

Ketika ditanya nasihat beliau kepada anggota-anggota Umno yang ingin

bertanding mana-mana jawatan pada pemilihan parti kelak, Ghafar berkata kalau sudah hendak bertanding, bertandinglah dan tidak perlu bercakap banyak.

"Tak usahlah banyak cakap lagi. Kalau bagi alasan-alasan, orang sebelah sana jawab pula...lebih banyak bercakap lebih tak elok," katanya.

Pada temubual kira-kira sejam itu, beliau turut mengulangi pendiriannya pada suatu masa dahulu supaya jawatan timbalan presiden Umno tidak perlu wujud.

"Dulu saya cadang jawatan timbalan presiden tak payah diwujudkan tapi banyak orang tak setuju. Hah, sekarang ini dah timbul (masalah)... kalau jawatan tu tak ada dalam perlembagaan, taklah ada perlawanan," katanya, sambil menambah bahawa seorang daripada naib presiden boleh menggantikan presiden bila perlu.

Jawatan Timbalan Presiden Umno kini kosong berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 1998. Anwar mengambil alih jawatan itu daripada Ghafar pada 1993.

Mengenai kesihatannya, Ghafar berkata beliau kini sudah 50 peratus lebih baik dari ketika beliau diserang angin ahmar itu.

"Tangan kiri saya sahaja lemah sikit... yang lain semua dah bagus. Saya boleh cakap, boleh jalan, boleh tidur, boleh makan," katanya.

Ketika ditanya sama ada beliau mampu meneruskan tugasnya sebagai Anggota Parlimen, Ghafar berkata beliau memerlukan dua minggu sahaja lagi untuk pulih sepenuhnya dan akan kembali bertugas selepas itu.

"Bila saya sihat, saya akan gerakkan balik Veteran Umno...orang lama-lama perlu diketengahkan," kata Ghafar yang juga Pengerusi Veteran Umno yang ditubuhkan pada 1998 bertujuan membantu memberikan penerangan kepada rakyat berhubung keadaan ekonomi negara.

Ditanya lagi sama ada beliau tidak merasakan perlu berehat daripada kegiatan aktif berikutan keadaan kesihatannya, beliau berkata tidak seharusnya ada rakyat Malaysia yang berehat daripada terus berusaha membantu membangunkan negara dalam apa juga cara sekalipun.

"Ya, saya juga akan terus berkhidmat untuk negara," katanya.

-- BERNAMA

MNY MAI